




UPSI perkukuh aspek kerohanian, lancar Tabung Ihya' Ramadan

Tg Malim, 7 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memulakan tahun baharu 2026 dengan penganjuran Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Solat Hajat sebagai wadah memperkukuh aspek kerohanian warga universiti. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, majlis berkenaan bukan

sekadar acara tradisi tahunan, sebaliknya menjadi medan refleksi terhadap pencapaian dan cabaran universiti sepanjang 2025, di samping menetapkan hala tuju yang lebih berpaksikan nilai keimanan dan keikhlasan pada tahun 2026.

Menurutnya, kejayaan UPSI sepanjang 2025 adalah hasil usaha kolektif seluruh warga universiti yang disertai doa, munajat serta pergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT.

"Tahun 2025 adalah tahun yang cemerlang dan bernilai buat UPSI. Namun yang paling penting, segala kejayaan ini bukan hanya kerana kelengkapan, ilmu atau kepakaran yang kita miliki, tetapi kerana doa, keikhlasan dan rahmat daripada Ilahi," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan di Masjid

Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah semalam. Beliau turut mengimbau tragedi menyedihkan pada 9 Jun 2025 lalu yang mengorbankan nyawa 15 pelajar UPSI, yang disifatkan sebagai detik paling menginsafkan dan mencabar dalam sejarah universiti berkenaan. "Pengurusan krisis yang berteraskan nilai kekeluargaan, kasih sayang dan keikhlasan telah membolehkan UPSI melalui episod sukar itu dengan baik sehingga mendapat pengiktirafan pihak luar," katanya.

Mengulas hala tuju 2026, beliau menegaskan UPSI akan memberi penekanan khusus terhadap pengukuhan rohani warga universiti melalui pendekatan yang disifatkan sebagai 'Kompas Hati, Kompas Iman dan Kompas Ibadah'.

"Beberapa inisiatif baharu akan dilaksanakan, termasuk mewajibkan kursus kefahaman bacaan solat kepada semua staf serta pelaksanaan solat berjemaah Maghrib dan Isyak di masjid kolej kediaman bagi mahasiswa bermula minggu hadapan.

"Walau setinggi mana pencapaian kita, tanpa izin dan keberkatan Allah SWT, kita tidak akan mampu pergi jauh. Sebab itu, kita mahu memulakan tahun ini dengan membetulkan Kompas Hati dan iman kita," katanya.

Dalam majlis yang sama, beliau turut melancarkan Tabung Ihya' Ramadan 1447H/2026 sebagai inisiatif kebajikan bagi membantu dan memberi manfaat kepada warga UPSI yang memerlukan, khususnya menjelang bulan Ramadan.

"Pusat Islam UPSI menyasarkan jumlah RM 130,000.00 untuk tabung berkenaan meliputi program berbuka puasa harian, moreh, solat tarawih serta Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana," katanya.





Pementasan Teater Tradisional Mek Mulung “Afrot” Tarik Minat Generasi Muda di UPSI

Tanjong Malim, 9 Januari - Pementasan teater tradisional Mek Mulung “Afrot” yang telah berlangsung pada 9 dan 10 Januari 2026 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Kampus Sultan Azlan Shah berjaya menarik perhatian penonton, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Pementasan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato’ Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama isteri, Dato’ Mohd Yusri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC, Prof. Suriani Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), serta Encik Rosnan Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Pementasan Mek Mulung “Afrot” mengisahkan tentang konflik, kepercayaan serta nilai kehidupan masyarakat Melayu tradisional yang disampaikan melalui gabungan lakonan, nyanyian, tarian dan iringan muzik tradisional. Persembahan ini menonjolkan keunikan seni tradisional yang kaya dengan elemen budaya, dan estetika masyarakat Melayu, ini sekaligus memberi pengalaman yang bermakna kepada penonton.

Berdasarkan ulasan penonton, pementasan tersebut disifatkan sebagai menarik dan menghiburkan, selain berjaya dalam menggabungkan elemen moden seperti sisipan jenaka berkaitan dengan lagu semasa. Pendekatan ini dilihat sebagai usaha dalam menjadikan pementasan tersebut dekat dengan citarasa generasi muda tanpa menjejaskan keasliannya.

UPSI perkukuh pendidikan inklusif antarabangsa melalui latihan profesional guru Maldives

Tanjong Malim, 8 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh komitmennya dalam memperkasa pendidikan inklusif di peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan latihan berterusan dan perundingan global yang memberi tumpuan kepada pembangunan perkhidmatan inklusif untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Komitmen ini diterjemahkan menerusi penganjuran Program Latihan Pembangunan Profesional Guru Maldives: Keperluan Perkhidmatan Inklusif dan Pendidikan Berkualiti yang berlangsung selama lima hari bermula 3 hingga 8 Januari 2026.

Program ini dianjurkan oleh Pusat Kajian Inklusif bagi Komuniti dan Orang Kurang Upaya (CIRCLE),

Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI, dengan penyertaan guru-guru dalam perkhidmatan dari pelbagai negeri di Maldives. Penyertaan kali ini merupakan kohort ke-10 sejak program ini dimulakan pada tahun 2017, sekali gus mencerminkan hubungan kerjasama akademik dan perundingan antarabangsa yang konsisten antara UPSI dan Maldives dalam memperkukuh sistem pendidikan inklusif.

Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta pembangunan profesional guru, khususnya melalui perspektif terapi cara kerja, bagi menyokong pelaksanaan amalan pendidikan yang lebih berkesan, inklusif dan berasaskan keperluan sebenar pelajar OKU.



Januari: Persaraan yang diraikan, Legasi yang diteruskan

Tanjong Malim, 6 Januari - Majlis Clock Out Prof. Dr. Abdul Rahim Razalli berlangsung dengan penuh makna apabila segmen khas clock out diserikan melalui persembahan kod tangan lagu Januari oleh pelajar ISMP Pendidikan Khas (AT10), sekali gus menzahirkan penghargaan terhadap persaraan sebagai satu penutup amanah yang diraikan dan legasi pendidikan yang diteruskan.

Pemilihan lagu Januari bukan sekadar simbolik, malah membawa makna mendalam tentang permulaan, refleksi dan harapan. Dalam konteks persaraan, lagu ini ditafsir sebagai penanda penutupan satu fasa perkhidmatan dengan penuh hormat serta pembukaan ruang kepada kesinambungan nilai dan perjuangan ilmu oleh generasi seterusnya. Persembahan tersebut diterjemahkan melalui bahasa kod tangan yang halus dan beremosi, menggambarkan bahawa pendidikan bersifat inklusif dan mampu diraikan melalui pelbagai bentuk ekspresi.

Penglibatan pelajar ISMP Pendidikan Khas dalam persembahan ini

menyerlahkan aspirasi UPSI terhadap pendidikan inklusif yang bukan sahaja diperkatakan, malah dizahirkan secara praktikal. Gerakan tangan yang tersusun, tempo yang seiring dengan alunan muzik serta ekspresi wajah yang penuh penghayatan menjadikan persembahan tersebut sebagai wadah komunikasi jiwa menyampaikan rasa terima kasih, penghargaan dan penghormatan kepada individu yang diraikan persaraannya.

Segmen clock out yang menjadi kemuncak majlis membawa makna simbolik yang mendalam. Ia bukan sekadar tindakan menandakan tamatnya tempoh perkhidmatan, sebaliknya melambangkan penyerahan amanah yang telah ditunaikan dengan dedikasi dan integriti. Dalam suasana hening dan penuh rasa hormat, hadirin menyaksikan bagaimana persaraan diraikan sebagai satu pencapaian, bukan pengakhiran mutlak tetapi permulaan kepada legasi yang terus hidup dalam ekosistem pendidikan universiti.

Penganjuran Majlis Clock Out yang menggabungkan

elemen seni, inklusiviti dan penghargaan ini membuktikan bahawa wacana pendidikan boleh disampaikan secara kreatif dan menyentuh emosi. Ia sekali gus mencerminkan falsafah pendidikan yang meraikan kemanusiaan, kepelbagaian dan kesinambungan nilai murni. Persembahan kod tangan tersebut bukan sahaja mengangkat martabat Pendidikan Khas, malah mengingatkan semua warga universiti bahawa setiap insan mempunyai peranan dan sumbangan yang bermakna.

Secara keseluruhan, tema “Januari: Persaraan yang Diraikan, Legasi yang Diteruskan” berjaya dizahirkan dengan berkesan melalui pendekatan yang sederhana tetapi berimpak tinggi. Ia menjadi peringatan bahawa jasa dan bakti dalam dunia pendidikan tidak pernah terhenti dengan persaraan, sebaliknya terus mengalir sebagai inspirasi, panduan dan warisan kepada generasi pendidik akan datang. Majlis ini diharapkan dapat terus menyemai budaya penghargaan dan memperkukuh komitmen UPSI terhadap pendidikan yang holistik dan inklusif.



Tanjong Malim
Bengkel Protokol PERGEO Perkasa Profesionalisme Kepimpinan Mahasiswa



Bandung
Diskusi Pengajaran Berkesan dan Kepimpinan Mahasiswa UPSI-UPI Perkukuh Perkongsian Ilmuan Tadbir Urus Pendidikan



Cyberjaya
Open Day Mawaddah Kinoko House: Perkasa Pembelajaran Anak Inklusif Berasaskan STEM dan Geografi



Tanjong Malim
Kejohanan Tenpin Bowling: Piala TNC HEPA Memeriahkan Suasana di UPSI Sports Bowl